

**EVOLUSI EMOSI NOVEL
ZAHARAH NAWAWI**

NORDIANA BINTI HAMZAH

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (KESUSASTERAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana atas keizinan dan rahmat-Nya yang telah memberikan saya hidayat, petunjuk serta kekuatan dalam menyempurnakan tesis ini. Sesungguhnya tawakal kepada-Mu Ya Allah.

Pertamanya, terima kasih diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberikan biasiswa kepada saya untuk melanjutkan pelajaran. Seterusnya, perasaan terharu, terhutang budi, gembira, dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Azhar bin Haji Wahid atas segala motivasi, kata-kata nasihat, dan tunjuk ajar yang diberikan. Sesungguhnya kebaikan dan komitmen penyeliaan yang terbaik, penghargaan tertinggi saya berikan.

Tidak dilupakan jasa para pensyarah Kesusasteraan Melayu, iaitu Prof. Madya Dr. Talib Samad dan Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Rosli Saludin yang telah membantu saya untuk melanjutkan pelajaran di Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris. Sesungguhnya, jasa mereka akan saya kenang selagi nyawa dikandung badan. Tidak ketinggalan juga kepada para pensyarah Kesusasteraan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris yang memberi tunjuk ajar dan bimbingan seperti Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah, Prof. Dr. Mohd Bohari b. Ahmad @ Muhammad Bukhari Lubis, Prof. Madya Dr. Siti Khairiah bt. Mohd Zubir, Prof Madya Dr. Abdul Halim b. Ali dan Dr. Ani bt. Omar. Ilmu yang diperoleh tidak akan dipersia-siakan.

Khas untuk suami, Azmi bin Mat dan anak-anak, Afiqah Hadfina, Ahmad Haziq, Amirah Nabihah dan Ahmad Hariz; tiada kata-kata yang boleh dilafazkan untuk menyatakan perasaan terima kasih. Begitu juga ucapan terima kasih dan sekalung al-Fatihah kepada Allahyarham ayahanda Haji Hamzah bin Abd. Rahman atas kasih sayang yang diberikan sehingga saya berusaha menuntut ilmu walaupun usia menginjak keempat puluh tahun. Kepada bonda, Hajah Hasnah binti Haji Abd. Rahman, doamu sentiasa memberikan kesejahteraan dalam meniti hari-hari di gedung ilmu ini. Terima kasih juga atas motivasi kepada adik-beradik Nor Anizah, Nor Asmadi, Nor Azmir, Nor Ainna, Rossilawati dan Allahyarham Nor Azham.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tesis ini. Semoga penemuan kajian ini dapat memberikan impak baru, khususnya dalam dunia kesusasteraan tanah air. Segala yang baik itu datangnya daripada Allah dan segala kelemahan itu berpunca daripada saya sendiri.

Sekian, terima kasih.

26 DISEMBER 2013 MASIHI/ 23 SAFAR 1435 HIJRAH

NORDIANA BINTI. HAMZAH,
240, TAMAN UNIVERSITI,
06010 SINTOK, UUM,
KEDAH

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis evolusi emosi penulisan novel-novel Zaharah Nawawi (ZN). Proses menganalisis novel menggunakan Pendekatan Eklektik yang menggabungkan Teori Rasa Fenomenologi Sohaimi Abdul Aziz dan Teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Kajian ini menggabungkan kedua-dua teori ini bagi menganalisis emosi pengarang, emosi karya dan emosi pembaca untuk mencapai kenikmatan sebagai pembaca (juga pengkaji) yang dapat mengesan rasa karya. Teks-teks yang dipilih sebagai data kajian merupakan novel-novel yang dihasilkan oleh Zaharah Nawawi iaitu *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga* (1972), *Jalur Sinar di Celah Daun* (1982), *Pesisir Hitam* (1985), *Menuju ke Puncak* (1987), *Selamat Datang Adzie Farahah* (1988), *Anugerah* (1995), *Hujan Sudah Teduh* (2004), *Haruman Kencana* (2007) serta *Bulan dan Mentari* (2008). Dapatan kajian menunjukkan evolusi emosi novel ZN mempunyai korelatif objektif yang berasosiasi antara satu novel dengan novel yang lain. Pemilihan korelatif objektif oleh ZN merupakan isu penting di dalam negara dan di antarabangsa. Hasil analisis membuktikan pada peringkat pengkonkritan estetik dengan dibantu oleh unsur-unsur intertekstualiti, neurosis menyebabkan evolusi emosi dalaman watak mengalami ketidakseimbangan emosi dalam aspek id, ego dan superego. Ketidakseimbangan ini menyebabkan tindak balas emosi luaran yang dikenali tindakan helah bela diri seperti sublimasi, rasionalisasi, agres, reaksi, penyangkalan dan represi. Proses pada peringkat pengkonkritan estetik memperluas analisis evolusi emosi novel untuk meningkatkan kesan emosi pembaca bagi mencapai rasa karya. Pengadilan estetik pula berlaku proses penilaian semula oleh pembaca dengan memasukkan unsur-unsur pada peringkat praestetik dan pengkonkritan estetik. Perbincangan analisis pada peringkat ini mendapati emosi-emosi yang berkaitan dengan emosi orang Melayu terdapat dalam kajian ini seperti emosi dendam, dengki, malu dan simpati. Hal ini demikian kerana ZN mengambil latar belakang kehidupan orang Melayu yang digambarkan melalui watak dan perwatakan orang Melayu menerusi karyanya. Penemuan ini menunjukkan penggabungan kedua-dua teori memperluas evolusi emosi dan mengidentifikasikan rasa karya ZN kepada rasa dahsyat, rasa duka, rasa perang, rasa kagum, rasa lucu, rasa berahi, rasa benci dan rasa wira. Maka, implikasi kajian, kerangka teori pengkaji dapat menjadi rujukan pengkritik kesusasteraan Melayu khususnya dalam kajian emosi novel Melayu.

ABSTRACT

This study aims to analyze the emotional evolution of Zaharah Nawawi's (ZN) novels. The analysis has been done using an eclectic approach combining Rasa Phenomenology Theory (Teori Rasa Fenomenologi) by Sohaimi Abdul Aziz and Psychoanalytic Theory by Sigmund Freud. This research combines these two theories to analyse the emotions of the writer, the emotions within the writing itself as well as the emotion of the readers which enables the reader (and the researcher) to identify those feelings (rasa) within the works and achieve gratification. Texts selected as research data are novels of Zaharah Nawawi namely *Sebelum Berhujungnya Musim Bung* (1972), *Jalur Sinar di Celah Daun* (1982), *Pesisir Hitam* (1985), *Menuju ke Puncak* (1987), *Selamat Datang Adzie Farahah* (1988), *Anugerah* (1995), *Hujan Sudah Teduh* (2004), *Haruman Kencana* (2007) and *Bulan dan Mentari* (2008). The result of this study has shown that the emotional evolution in ZN's novels exhibited objective correlation between one novel to another. The choice of objective correlation by ZN is an important issue both locally and internationally. The result from the analysis has proven that at the level of aesthetical concretion aided by elements of intertextuality, neurosis has caused the internal emotional evolution of characters which exhibited unstable internal emotion from the aspects of id, ego and superego. The unstable internal emotion has led to expression of external emotion through defence mechanisms such as sublimation, rationalisation, aggression, reaction, denial and repression. The process at the level of aesthetical concretion has expanded analysis of emotional evolution occurring in the writing and thus improving emotive effect of the reader in order to experience the feelings (rasa) within the writing. During aesthetical justification, the reader re-examines the writing by inserting pre-aesthetic and aesthetical concretion elements. The discussion of analysis at this level has identified emotions which are commonly associated with Malay people such as grudge, jealousy, shame and sympathy in this research. It is as such because ZN has incorporated the daily life and societal background of the Malays through the characters and their characterisations that has been portrayed within her works. This finding has shown the combination of the two theories has expanded the emotional evolution and has identified the feeling (rasa) of ZN's works with the feelings (rasa) of horror, sadness, anger, pride, hilarity, passion, hate and valour. Therefore, the implication of the study is that the researcher's theoretical framework can be used as a reference by critics of Malay literature especially in the research of emotion within Malay novels.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar belakang kajian	3
1.2	Penyataan masalah	9
1.3	Objektif kajian	11
1.4	Soalan kajian	12
1.5	Skop kajian	12
	1.5.1. Pemilihan tajuk novel	12
	1.5.2. Batasan masa kajian	13
	1.5.3. Pemilihan genre	14
	1.5.4. Pemilihan pengarang	14
1.6	Kepentingan kajian	23
1.7	Metodologi penyelidikan	25

1.7.1.	Kajian kepustakaan	25
1.7.2.	Pendekatan Eklektik:	
	Penggabungan Teori Rasa Fenomenologi	
	dan Teori Psikonanalisis Freud	26
1.8	Definisi Istilah	32
1.8.1	Evolusi	32
1.8.2	Emosi	33
1.8.3	Emosi Tetap	34
1.8.4	Estetik	35
1.8.5	Novel	36
1.8.6	Id	36
1.8.7	Ego	37
1.8.8	Superego	38
1.8.9	Rasa	39
1.8.10	Korelatif Objektif	40
1.9	Organisasi Tesis	40
1.10	Rumusan	42
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	43
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	84
3.0	Pengenalan	84
3.1	Teori Rasa Fenomenologi	85
3.1.1	Peringkat dan pengalaman estetik TRF	88

3.1.2 TRF: Karya, Pembaca dan Pengarang	90
3.1.3 Pengadilan estetik	91
3.1.4 Pengadilan estetik dan praestetik	92
3.1.5 Estetik intertekstual	93
3.1.6 Penilaian estetik	93
3.1.7 Kesimpulan Teori Rasa Fenomenologi	94
3.2 Pendekatan psikologi	96
3.2.1 Teori Psikoanalisis Freud	99
3.3 Penerapan teori psikologi	117
3.4 Pendekatan Eklektik: Penggabungan dua teori iaitu Rasa Fenomenologi dan Psikoanalisis Freud	121
3.5 Jenis-jenis emosi	127
3.5.1 Emosi kasih	128
3.5.2 Emosi riang	130
3.5.3 Emosi sedih	132
3.5.4 Emosi takut	134
3.5.5 Emosi hairan	136
3.5.6 Emosi marah	137
3.5.7 Emosi jijik	138
3.5.8 Emosi tenaga	140
3.5.9 Emosi-emosi lain	141
3.6 Kesimpulan	146

BAB 4**EVOLUSI EMOSI**

4.0	Pengenalan	147
4.1	Rasa wira	151
4.2	Rasa berahi	198
4.3	Rasa duka	237
4.4	Rasa dahsyat	273
4.5	Rasa kagum	301
4.6	Rasa berang	319
4.7	Rasa benci	336
4.8	Rasa lucu	345
4.9	Rasa emosi-emosi lain	351
4.10	Kesimpulan	360

BAB 5**KESIMPULAN DAN SARANAN**

5.0	Pendahuluan	361
5.1	Kesimpulan dan Saranan	364

RUJUKAN

392


SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Lapan dasar emosi teori emosi Robert Plutchik	52
3.1 Perhubungan antara emosi tetap dengan ekspresi sastera	86
3.2 Kesimpulan Teori Rasa Fenomenologi	95
4.1 Sub emosi tenaga dalam novel ZN	152
4.2 Korelatif objektif rasa wira dalam SBMB	162
4.3 Korelatif objektif rasa wira dalam HK	175
4.4 Emosi dalaman A	235
4.5 Pengadilkan estetik rasa duka	251
5.1 Korelatif objektif evolusi emosi novel ZN	366
5.2 Struktur evolusi emosi dalaman novel ZN	372
5.3 Mekanisme helah bela diri evolusi emosi novel ZN	373

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Keluarga emosi SASHETS	5
1.2 Teori naluri keagresifan Sigmund Freud	30
1.3 Gambaran mental manusia	31
2.1 Urutan kajian literatur	44
2.2 Teori emosi James Lange	48
2.3 Teori emosi Cannon Bard	49
2.4 Perbezaan Teori Emosi James Lange dan Cannon Bard	50
3.1 Aspek - aspek penting Teori Freud	116
3.2 Gangguan emosi dalaman menurut Teori Freud	120
3.3 Gabungan Teori Rasa Fenomenologi dan Teori Freud	121
3.4 Evolusi emosi karya ZN	125
4.1 Analisis evolusi emosi novel ZN	150
4.2 Struktur dalaman emosi tenaga Juli dalam BDM	187
4.3 Struktur dalaman emosi tenaga Ramlah dalam A	194
4.4 Korelatif objektif rasa berahi HST	199
4.5 Korelatif objektif rasa berahi SBMB	203
4.6 Korelatif objektif rasa berahi SDAF	208
4.7 Korelatif objektif rasa berahi HK	213
4.8 Korelatif objektif rasa berahi MKP	221
4.9 Korelatif objektif rasa berahi JSDCD	223
4.10 Lima peringkat kesedihan	242

4.11	Emosi rasa kagum dalam BDM	315
4.12	Emosi dalaman rasa kagum A	318
4.13	Emosi jijik dalam HST	339
4.14	Emosi dalaman rasa benci HST	342
4.15	Analisis jenis emosi dalam novel	360
4.16	Kekerapan emosi dalaman novel	361



SENARAI SINGKATAN

NAMA	SINGKATAN
Zaharah Nawawi	ZN
Hujan Sudah Teduh	HST
Sebelum Berakhirnya Musim Bunga	SBMB
Selamat Datang Adzie Farahah	SDAF
Haruman Kencana	HK
Menuju Ke Puncak	MKP
Pesisir Hitam	PH
Anugerah	A
Bulan dan Mentari	BDM
Jalur Sinar di Celah Daun	JSDCD
Teori Rasa Fenomenologi	TRF
Teori Psikoanalisis Freud	TF

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Ruang lingkup yang diteroka dalam kajian ini ialah evolusi emosi dalam novel Zaharah Nawawi (ZN). Kajian ini menitikberatkan aspek emosi dalaman watak dalam karya yang digambarkan melalui penulisan pengarang, emosi pengarang dan emosi pembaca. Seajar dengan itu, kajian ini menganalisis emosi dalaman watak yang dibina oleh pengarang dan hubungannya dengan emosi dalam karya yang dibangkitkan oleh korelatif objektif yang dipilih pengarang. Secara tidak langsung emosi pembaca berkeupayaan untuk rasa dengan berkesan, berkeupayaan untuk simpati dan empati dalam menerima ekspresi sastera yang dibina oleh ZN. Maka, kajian tentang novel-novel ZN ini akan mengaplikasikan pendekatan eklektik yang menggabung dua teori iaitu Teori Rasa Fenomenologi dan Teori Psikonalisis Sigmund

Freud. Bertitik-tolak daripada kaitan emosi dengan karya, justeru kajian ini cuba

untuk mengenal pasti aspek-aspek yang menggambarkan emosi dalaman watak dan hubungannya dengan emosi pengarang dan pembaca dalam penulisan novel ZN.

Apabila membaca karya-karya kesusasteraan, pembaca mengharapkan untuk merasakan pengalaman emosi dalam pembacaan. Menurut Laird dan Oatly (dalam Lewis, Jones & Barret, 2008), keindahan emosi terasa apabila terjadi tindak balas daripada emosi yang terlibat dalam karya sastera. Cupchik (2002) juga menegaskan keindahan emosi bergantung kepada penilaian tentang keindahan dalam penggunaan bahasa (dalam Lewis, Jones, & Barret, 2008). Hal ini menyebabkan khalayak pembaca terpanggil untuk menikmati keindahan hasil kerja pengarang. Dalam mengungkapkan emosi, pengarang harus berusaha untuk memanipulasi kebenaran rasa atau *shidq al athifah* iaitu rasa atau emosi ini akan memberikan nilai yang kekal dalam karya pengarang. Kebenaran rasa dalam karya dapat dicapai oleh pengarang yang berpegang kepada *quwwah al-athifah* atau kekuatan rasa (Faisal Tehrani, 2008:64). Maka, pembaca akan terpanggil untuk melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan akibat kesan rasa yang terdapat dalam karya.

Othman Puteh (2001:5) pula menyatakan salah satu syarat untuk menulis novel memerlukan konflik dalam penceritaan. Pengarang harus memberikan kesempatan kepada watak utama untuk mengalami kekecewaan, tekanan emosi, dan terjebak dalam pelbagai bahaya. Aspek latar juga memainkan peranan kerana mempunyai fungsi psikologi atau kejiwaan kerana aspek ini berupaya menimbulkan makna tertentu dan mampu menciptakan suasana tertentu. Latar juga berkeupayaan untuk menggerakkan emosi ataupun aspek kejiwaan pembaca (Othman Puteh, 1999:35).

Penyataan ini jelas menunjukkan bahawa tekanan emosi ini amat penting diwujudkan dalam diri watak dan aspek latar psikologi juga penting agar penulisan pengarang lebih meyakinkan dan dapat menarik hati khalayak pembaca. Maka, bagaimanakah caranya untuk seseorang pembaca itu dapat menikmati evolusi emosi sesebuah karya? Kajian ini akan cuba menemukan jawapannya dengan menggunakan gabungan Teori Rasa Fenomenologi dan Teori Psikoanalisis Freud.

1.1 Latar belakang kajian

Sejak tahun 1960-an dan tahun 1970-an, pandangan dalam bidang falsafah, psikologi dan sains kognitif telah menyedari emosi ialah sejenis kepercayaan. Emosi dilihat sebagai penilaian kognitif tentang sesuatu pengalaman yang menguntungkan atau yang mengancamkan kepada diri seseorang individu. Menurut Lazarus dan Ortony et al. (1991) dalam Ross (2006:200), setiap emosi memberikan sumbangan kepada sesuatu penilaian ataupun dipanggil *appraisal* menerusi struktur kognitif yang berbeza. Lazarus (1984) (dalam Ross, 2006) menambah lagi bahawa beberapa individu hanya memperluas definisi mereka tentang kognitif untuk memasukkan pemprosesan bawah sedar, manakala menurut Oatley dan Laird (1987) individu yang lain berpendapat bahawa emosi ialah sesuatu yang kognitif tetapi bukan kenyataan dan tidak melibatkan peringkat yang lebih tinggi daripada kognitif (dalam Ross, 2006).

Secara am, emosi ialah perasaan atau komponen efek dalam tingkah laku manusia. Kata emosi berasal daripada kata akar *movere* (Latin), bererti

‘menggerakkan, bergerak’, ditambah awalan “e” untuk memberi erti “bergerak menjauh”. Secara harafiah, emosi diertikan setiap kegiatan atau pergolakan fikiran, perasaan, nafsu, setiap keadaan mental yang hebat atau meluap-luap (A.b. Aziz Yusof, 2007:164). Maksud emosi dalam bahasa Arab pula disepadankan dengan kata *qalb*, yang berasal daripada kata akar *qalaba* secara tersurat bererti ‘merubah, membalikkan dan menjauhkan’ (M. Darwis Hude, 2006:xii). Lazarus (dalam M.Darwis Hude, 2006:16), telah memberikan definisi emosi sebagai berikut:

Emotion: Differently described and explained by different psychologist, but all agree that is a complex state of the organism, involving bodily changes of a widespread character-in breathing, pulse, gland secretion, etc.-and, on the mental side, a state of excitement or perturbation, marked by strong feeling, and usually an impulse towards a definite form of behavior. If the emotion is intense there is some disturbance of the intellectual functions, a measure of dissociation, and a tendency towards action of an ungraded or protopathic character. Beyond this description anything else would mean an entrance into the controversial field.

Menurut Lazarus, ahli psikologi berbeza dalam memberikan maksud emosi tetapi mereka bersetuju bahawa emosi ialah satu bentuk yang kompleks daripada organisma yang melibatkan perubahan badan kesan daripada tabiat manusia yang luas seperti dalam bernafas, denyut nadi, pengeluaran kelenjar, dan sebagainya. Tambah Lazarus lagi, daripada sudut mental, emosi ialah suatu keadaan dalam kegembiraan atau kecemasan yang ditandai oleh perasaan yang kuat dan biasanya rangsangan menuju sesuatu bentuk tingkah laku. Malah, jika emosi itu lebih kuat lagi akan terjadi sejumlah gangguan terhadap fungsi intelektual yang menjadi pengukur pemisahan diri dan suatu keinginan kepada tindakan yang bersifat tidak baik di luar jangkaan.

Mersino Anthony (2007) telah memetik definisi emosi yang terdapat dalam *The American Heritage Dictionary* tentang maksud emosi seperti berikut:

A mental state that arises spontaneously rather than through conscious effort and is often accompanied by physiological changes; a feeling; the emotions of joy, sorrow, revenge, hate and love.

(Mersino Anthony, 2001:20)

Daripada pernyataan Mersino, dijelaskan mental ialah satu keadaan yang timbul secara spontan dan bukan dalam sedar. Keadaan mental ini sering diikuti dengan perubahan fisiologi dan perasaan iaitu emosi kegembiraan, kesedihan, rasa hormat, rasa benci dan rasa cinta. Menurut Mersino (2007), David E. Carlson dalam bukunya *Counseling and Self Esteem*, telah menggunakan pendekatan enam emosi dasar untuk mewakili kumpulan emosi. Kumpulan emosi dasar tersebut telah disusun dalam bentuk akronim iaitu SASHET yang membawa maksud gembira, teruja, kasihan, sedih, marah dan takut. Hal ini boleh dirujuk seperti berikut:



Rajah 1.1. Keluarga Emosi SASHETS

Sumber : Anthony, M. (2007). *Emotional intelligence for project managers: The people skills you need to*. Broadway, New York: Amacom Books.

Rajah 1.1 di atas menunjukkan enam perkataan emosi dasar yang mengikut urutan. Daripada rajah, perkataan emosi menunjukkan penekanan apabila berada jauh dari pusat roda. Terdapat tiga kumpulan emosi negatif iaitu sad (sedih), angry (marah)

dan scared (takut). Terdapat juga tiga kumpulan emosi yang positif iaitu happy (bahagia), excited (gembira), dan tender (kasihan). Emosi-emosi ini sentiasa ada dalam diri dan persekitaran. Walaupun kadang kala seseorang individu akan dibelenggu emosi negatif tidak semestinya individu itu akan menjadi negatif. Hal ini boleh dilakukan dengan kemahiran mengawal perasaan sama ada gembira ataupun sedih. Namun, kadangkala seseorang yang terlalu gembira juga boleh mengalirkan air mata. Oleh itu, emosi bersifat subjektif dan sukar diramalkan.

Hubungan emosi dalam kesusasteraan pula telah diberikan beberapa hipotesis dalam penulisan Johnson Laird dan Oatley (dalam Lewis, Jones, & Barret, 2008). Hipotesis yang pertama ialah kesusasteraan boleh mencorakkan emosi kerana pembaca menerima watak protagonis dan menolak watak antagonis. Pengarang telah melengkapkan penceritaan yang membantu pembaca untuk membina set pemikiran dinamik yang dapat merangsang dunia dalam watak dan interaksi antara watak. Hal ini sejajar dengan tahap persediaan pengarang dalam penulisan kreatif oleh Graham Wallas (dalam Othman Puteh, 1999:111) yang menyatakan fasa persediaan ialah fasa pengarang menghimpun segala maklumat berkaitan dengan emosi. Emosi pengarang tepu dengan keinginan melaksanakan sesuatu. Freud (1905-1906/1985) dalam Laird dan Oatley (dalam Lewis, Jones, & Barret, 2008) menambah lagi, bahawa pembaca akan merasakan simulasi itu apabila para pembaca mengenal pasti watak-watak dalam cerita. Konflik watak yang bercampur mempunyai emosi positif dan emosi negatif (Mana Sikana, 1998:159). Apabila, berlaku sesuatu pada watak menyebabkan para pembaca mengalami emosi. Namun emosi yang muncul ini, berpunca daripada cerita rekaan pengarang semata-mata. Hal inilah yang dikatakan emosi dalam kesusasteraan.

Hipotesis kedua dalam hubungan emosi dalam kesusasteraan ialah sastera membantu pembaca merasai emosi watak-watak dalam cerita. Pernyataan ini boleh dibuktikan melalui Kesusasteraan Masyarakat India seperti Abhinavagupta. Abhinavagupta telah memberikan penjelasan emosi melalui watak aktor dalam drama, menampakkan ekspresi wajah, isyarat, intonasi suara dan kandungan dialog yang menyebabkan emosi terjadi. Sebagai contoh apabila seseorang aktor menunjukkan kegembiraan ataupun kemarahan, penonton turut juga berasa gembira dan marah (dalam Lewis, Jones, & Barret, 2008). Kesan emosi ini bersamaan dengan Teori Rasa yang salah satu aspek mementingkan kesan dan akibat (Sohaimi Abd Aziz, 1998:46). Rasa ialah salah satu unsur yang akan membentuk satu-satu karya sastera. Rasa atau emosi ialah keadaan batin yang kuat dan boleh mendorong pembaca untuk melakukan sesuatu hasil daripada kegembiraan, kesedihan, perasaan terharu dan perasaan berani (Faisal Tehrani, 2008:59.)

Menurut Laird dan Oatley (dalam Lewis, Jones, & Barret, 2008), hipotesis ketiga emosi dalam sastera ialah emosi bergantung kepada pengalaman peribadi seseorang. Dalam pembacaan sesebuah karya sastera, seseorang pembaca boleh mengalirkan air mata atas peristiwa kematian yang menimpa watak utama kerana dalam kehidupan pembaca itu sendiri pernah mengalami kehilangan orang yang tersayang. Dalam hal ini, menurut Freud, fenomena ini boleh dihubungkan dengan pengalaman bawah sedar pembaca itu meronta-ronta dan pembaca dikuasai oleh alam batinnya (Mana Sikana, 1998:158). Kesimpulannya, ketiga-tiga hipotesis ini menyatakan emosi dalam sastera boleh dialami oleh pembaca yang menikmati keindahan karya serta menikmati bersama-sama dengan pengalaman estetika seseorang pengarang.

Maka, karya ZN sebagai bahan kajian kerana ZN merupakan seorang pengarang yang prolifik dalam bidang penulisan kreatif genre cerpen dan novel. Hasil penulisan beliau meliputi pelbagai genre seperti cerpen, novel, puisi, esei, rencana dan berita, kolumnis di majalah Perempuan, Wanita, Jelita, Famili dan Dewan Budaya, dan juga seorang penulis skrip untuk radio (rancangan wanita) dalam tahun 1970-an. Pada awal penglibatan beliau dalam dunia penulisan, sarjana kesusasteraan tanah air seperti Rosnah Baharuddin dan Ungku Maimunah Tahir telah melabelkan beliau sebagai feminis. Penulisan feminis dalam karya beliau amat menonjol sekali kerana setiap karyanya mengangkat citra wanita dengan kegigihan, kejayaan, keazaman, kehebatan dalam mencorak watak protagonis wanita. Oleh itu, tidak hairanlah dalam kajian para sarjana kebanyakannya mengupas pemikiran beliau dalam sudut feminis. Kajian ini akan mengupas novel-novel ZN mengikut pendekatan teori yang berasaskan emosi iaitu Teori Psikoanalisis Freud dan Teori Rasa Fenomenologi. Hal ini disebabkan, ZN amat menitikberatkan aspek emosi dalam penulisan beliau. Lebih-lebih lagi emosi kasih sayang yang menjadi rencah dalam kebanyakan penulisan cerpen dan novelnya dari dulu sehingga sekarang.

Raja Rajeswari Seetha Raman (2003) menyatakan konsep kasih sayang yang melatari penulisan ZN dipengaruhi latar hidupnya yang sering dicitum dan didakap oleh ibunya. Sementara itu, novel ZN ini membawa sebuah kisah realisme yang penuh rasa, perasaan dan sikap sebuah masyarakat Melayu melalui emosi. Konklusinya, unsur-unsur pengalaman pengarang dan emosi mempengaruhi dalam pemilihan dan penggunaan kata dalam karya. Sekali gus, kepakaran ZN dalam bidang penulisan, membolehkan para sarjana menganalisis karya beliau menggunakan teori yang berbeza-beza.

1.2 **Penyataan masalah**

Kehidupan manusia diwarnai oleh emosi. Jika emosi gembira yang wujud dalam diri individu, maka kebahagiaan akan terpancar di wajahnya. Begitu juga sebaliknya, jika peristiwa duka yang menimpa, emosi sedih akan dilontarkan kepada masyarakat umum. Pergelutan hidup hari-hari dipenuhi dengan emosi. Emosi sedih, gembira, marah sentiasa berputar-putar dan bersilih ganti. Namun, emosi sedih, gembira, marah dan duka ini tertanam dalam lubuk perasaan yang mendalam. Kadangkala diluahkan dan kadangkala terpendam.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat perasaan dalaman atau mental watak yang mengalami perubahan emosi akibat desakan dan tekanan. Emosi dalam karya digerakkan oleh khalayak pembaca melalui proses pembacaan. Menurut Stevenson (dalam Mette & Sue, 1997:268), karya diumpamakan seperti satu mimpi dan mengandungi harapan. Tambah beliau lagi cerita dan karya dibangunkan untuk memenuhi keinginan dengan membenarkan pembaca untuk menjadi sekurang-kurangnya sebahagian watak dalam cerita. Maka, amat penting bagi pembaca untuk menanggapi penentu atau korelatif objektif pengarang dalam karya. Setiap karya mempunyai korelatif objektif ataupun penentu yang tertentu (Sohaimi Abd Aziz, 1998:181). Korelatif objektif ini kemudiannya dibangunkan di dalam karya oleh pengarang menerusi teknik penulisannya. Tuntasnya, kajian ini ingin menganalisis korelatif objektif yang digunakan oleh ZN dalam menggambarkan emosi karya.

Menurut Goleman (1996), emosi dalam minda manusia itu terjadi dalam dua peringkat (Sohaimi Abdul Aziz, 1998). Peringkat yang pertama ialah peringkat sedar

emosi sampai kepada korteks dan dikawal oleh minda rasional manakala emosi yang tidak disedari pula boleh mempunyai impak yang kuat ke atas cara seseorang itu menanggapi dan bertindak terhadap sesuatu tanpa menyedari jenis emosi yang beroperasi dalam dirinya (Sohaimi Abdul Aziz, 1998). Atas faktor ini kehidupan manusia amat penuh dengan misteri dan keunikannya menjadi kajian (Mana Sikana, 1998:158). Disebabkan wujudnya pelbagai ragam manusia, lahirlah beberapa orang tokoh psikologi kejiwaan. Freud ialah tokoh pelopor psikoanalisis yang menyelongkar emosi dalaman manusia. Freud menyatakan emosi yang kacau disebabkan ketidakseimbangan antara unsur id, ego dan superego. Maka, dalam kajian ini, permasalahan untuk menganalisis emosi dalaman watak dalam cereka ini harus dilihat daripada kaca mata pengarang-pengarang di Malaysia. Maka, kajian ini ingin menganalisis aspek emosi kejiwaan menurut Teori Psikoanalisis Freud dalam novel-novel ZN.

Emosi yang terganggu sudah tentu memberikan tindak balas kepada persekitaran. Terdapat perkaitan antara emosi dengan persekitaran sosial. Contohnya, simptom perlakuan tidak sedar dalam diri dan rasa rendah diri kanak-kanak mangsa dera telah dikaitkan kepada sikap agresif dan kesukaran dalam persekitaran (Cicchetti & Toth, 1995:543). Bagi watak yang mempunyai pengalaman penderaan emosi akan menerbitkan perasaan rendah diri dan mempunyai kemampuan bersosial yang rendah. Daripada dapatan kajian ini, kajian ini ingin mengenal pasti dalam novel ZN unsur helah bela diri watak yang mempunyai pengalaman emosi yang tertekan terhadap persekitaran mereka. Jelasnya, permasalahan kajian ini ingin mengenal pasti jenis-jenis tindak balas sosial bagi watak yang tertekan emosinya yang digambarkan oleh ZN dalam fiksyen kreatif ciptaan mereka.

Emosi marah akan menjadi aktif dan bertindak dengan cepat sekali tanpa diduga apabila terdapat rangsangan seperti apabila ego dicabar, keselamatan diancam ataupun kepunyaan atau hak dirampas atau dinafikan. Jika emosi negatif ini tidak dibendung dengan segera maka hal ini akan membawa kemudaratan. Sebaliknya, emosi gembira pula yang akan menjadi aktif apabila ego dipenuhi dan keselamatan terjamin. Hal ini sejajar dengan kajian Sarlito (2000) dan Langer (1967) yang menyatakan manusia mempunyai pelbagai emosi kerana emosi manusia bervariasi dan penyebab emosi terjadi disebabkan oleh sikap manusia yang sentiasa berubah-ubah perasaan dalaman mereka (dalam M. Darwis Hude, 2006:37). Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis jenis emosi yang muncul dalam diri watak karya ZN untuk menilai rasa karya. Pengkaji akan menggunakan teori Rasa Fenomenologi yang menghasilkan sistem estetik.

1.3 Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis emosi novel-novel ZN gabungan Teori Rasa Fenomenologi dan Teori Psikoanalisis. Objektif kajian ini adalah untuk :

1. menganalisis korelatif objektif jenis-jenis emosi dalam karya
2. menilai struktur id, ego dan superego watak mengikut emosi dalam karya
3. menilai tindakan watak menggunakan helah bela diri akibat gejala emosi
4. mengkategorikan jenis-jenis rasa dalam novel

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut :

1. Apakah korelatif objektif yang dihidupkan dalam karya?
2. Bagaimanakah pembentukan personaliti id, ego dan superego dalam karya ZN?
3. Apakah jenis helah bela diri yang ditonjolkan oleh watak akibat gejala emosi dalaman?
4. Apakah jenis rasa yang dijelmakan dalam karya?

1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan memberikan tumpuan khusus kepada novel-novel hasil tulisan pengarang yang prolifik iaitu ZN. Walaupun telah banyak kajian yang dilakukan oleh para sarjana tentang ZN, tetapi fokus kajian pengkaji berbeza kerana mengkaji tentang aspek evolusi emosi novel-novel ZN. Pada umumnya skop kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu:

1.5.1 Pemilihan Tajuk Novel

Novel-novel yang dipilih untuk penelitian ini ialah *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga* (1972), *Jalur Sinar Di celah Daun* (1981), *Pesisir Hitam*(1985), *Menuju Ke Puncak*(1987), *Selamat Datang Adzie Farahah* (1988), *Anugerah* (1995), *Hujan*